

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

**USUL MENYOKONG USAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MENINGKATKAN PEMBINAAN PERUMAHAN KOS RENDAH DAN MAMPU
MILIK UNTUK BELIA PULAU PINANG
OLEH LATHAA A/P MANOHARAN**

Saya mendesak kerajaan persekutuan menghentikan pembinaan perumahan yang boleh menyebabkan tanah runtuh dan memberikan perhatian dan tindakan terhadap isu penduduk tempatan yang tidak mampu untuk memiliki rumah di tanah air sendiri dengan memperkenalkan beberapa langkah seperti 'Perumahan Awam-Kos Rendah dan Sederhana Rendah'. Langkah ini penting untuk memastikan semua penduduk tempatan mampu memiliki sebuah rumah sendiri dengan mengurangkan bebanan kewangan. Oleh yang demikian, penduduk tempatan mampu memiliki sebuah rumah tertakluk kepada pengawasan oleh sebuah firma audit. Langkah ini diharapkan dapat membantu semua penduduk tempatan untuk memiliki sebuah rumah dengan pendapatan yang rendah atau sederhana.

Saya juga memperkenalkan langkah kedua iaitu 'Perumahan Mampu Milik' supaya penduduk tempatan mampu beli sebuah rumah dalam lingkungan RM 400,000-RM250,000 di seluruh negeri Pulau Pinang dengan bantuan setiap syarikat bank untuk memberi sokongan tambahan dari segi kewangan.

Saya memperkenalkan langkah terakhir iaitu 'Pengurangan Pembelian oleh Bukan Warganegara' kerana hal ini menyebabkan peningkatan kos pembinaan perumahan yang boleh mencecah sehingga ke RM1 juta dan lebih. Perumahan bertingkat, teres atau bangunan yang mahal menyebabkan penduduk tempatan mempertimbangkan semula keinginan untuk memiliki sebuah rumah. Mengikut statistik perumahan, pemilikan oleh penduduk tempatan agak kurang berbanding dengan penduduk bukan warganegara kerana perumahan telah menjadi sebagai simbol taraf kehidupan untuk setiap manusia. Justeru, penduduk tempatan terpaksa mempertimbangkan semula pemilikan perumahan ini.

Saya perlu memahami bahawa tidak semua penduduk tempatan mampu untuk membiaya kos pemilikan sebuah rumah yang mewah melebihi kemampuan mereka. Selain itu, pembinaan perumahan yang tidak terkawal amat merisaukan dari segi kekukuhan dan kestabilan. Misalnya tanah runtuh yang berlaku pada 21 Okt 2018, pada jam 1.56 petang di Lebuhraya Thean Teik Bandar Baru Air Itam ke Lebuh Bukit Jambul itu dijangka siap pada Mac 2020. Kejadian ini tidak dijangka oleh sesiapa tetapi ia berlaku secara mengejut dan ia juga memberi pengajaran atau kesan yang mendalam terhadap pembinaan perumahan yang tidak terkawal.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Lathaa A/P Manoharan
Ahli Sidang Muda 2018

